

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Pernim anjurkan majlis perkahwinan  
22. Apr 2009  
Sinar Harian  
Selangor & KL  
60000  
0

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
S11  
250 cm2  
Daily  
Black/White  
1000.20



# Pernim anjurkan majlis perkahwinan

CHERAS BARU – Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (Pernim) telah melangsungkan satu majlis perkahwinan penghuninya sebagai tanggungjawab membantu mereka yang berada dalam kesusahan.

Berlandaskan konsep yang dilaksanakan yang menganggap semua penghuni Pernim adalah satu keluarga menyebabkan majlis tersebut diadakan di Pernim ini.

Pengantin lelaki Saiful Mustaza, berkata beliau cukup bersyukur dengan layanan yang diberikan oleh Pernim ini yang tidak sekali-kali menganggapnya sebagai orang luar.

Menurutnya, pengasas pusat ini yang dipanggilnya 'ummi' memberikan kasih sayang yang cukup kepada semua penghuni-penghuni di sini.

"Tiada pilih kasih dan tiada pilih bulu di sini, semuanya dilayan dengan layanan yang sama seperti adik-beradik sendiri dan 'ummi' melayan saya seperti anaknya sendiri.

"Saya memang benar-benar bersyukur dengan kehidupan saya di sini, tiada yang membeza-bezakan tidak kiralah macam mana latar belakang seorang penghuni itu," katanya.

Sementara itu, pengantin perempuan Norhafiza Zul berkata beliau tidak menyangka pihak Pernim sanggup melangsungkan majlis perkahwinan untuk mereka.

Menurutnya, beliau cu-



● Pasangan pengantin yang di ralkan Pernim.

kup terharu apabila pihak Pernim mahu beliau dijabkabulkan di sini.

"Saya juga berasa betul-betul bersyukur kerana dijaga dan dididik dengan sempurna di sini.

"Tidak pernah mengimpikan untuk m e n d a p a t layanan yang istimewa memandangkan latar belakang kami tidaklah seberapa, tetapi layanan yang diberikan memang cukup istimewa bagi kami penghuni di sini," katanya.

Manakala pengasas Pernim ini, Hajah Norlina Haji Alawi berkata, sebagai seorang umat Islam lebih berkemampuan sudah mestilah menjadi satu kewajipan untuk membantu mereka

yang kurang berkemampuan terutamanya yang terdiri daripada golongan kanak dan juga wanita.

Menurutnya, seseorang Muslim yang sihat yang cukup sifat-sifatnya serta berkemampuan tidak perlu mengelak untuk membantu mereka yang amat memerlukan.

"Misi utama adalah ini adalah menubuhkan pusat perlindungan berkonsepkan kekeluargaan yang mementingkan pelajaran, kerohanian dan kasih sayang.

"Kasih sayang, sokongan moral, belajar bertikar dan membina jati diri yang berjaya dengan cemerlang di dunia dan akhirat juga di terapkan," katanya.

didikan sempurna